



UJI MINDA

A Berikan imbuhan awalan yang sesuai pada kata dasar dalam kurungan. Kemudian, isi tempat kosong.

1. Beberapa orang pemuda Kampung Permai sedang _____ (cat) pagar balai raya.
2. Mereka sekeluarga terpaksa _____ (gelap) apabila bekalan elektrik tiba-tiba terputus.
3. "Lauk-pauk untuk para tetamu sudah _____ (hidang) di meja makan," kata Puan Hanan.
4. Darwis dan Hakim suka _____ (pancing) ikan di sungai yang terletak di hujung kampung.
5. Dania dan rakan-rakannya dapat _____ (lihat) cara-cara menenun songket semasa melawat ke kilang songket.
6. Salina _____ (dapat) tempat pertama dalam pertandingan mengarang anjuran Persatuan Bahasa Melayu itu.
7. Para _____ (niaga) diingatkan agar menjaga kebersihan di tapak pasar malam itu.
8. _____ (tua) pasukan bola sepak itu mengingatkan para pemain agar mematuhi peraturan permainan semasa perlawanan bola sepak itu.
9. Ketibaan pemimpin itu _____ (sambut) oleh penduduk Taman Putra dengan paluan kompang.
10. Setelah penat mengerjakan sawah, Pak Malik dan Pak Samsul _____ (rehat) di pondok sambil berbual-bual.



Berikan imbuhan akhiran **-an**, **-kan**, atau **-i** pada perkataan dalam kurungan. Kemudian, isikan di tempat kosong.



1. Pihak sekolah turut menerima _____ daripada syarikat swasta untuk melaksanakan program tersebut. [sumbang]
2. "Program bergotong-royong itu akan kami _____," kata Hana dan rakan-rakannya kepada Cikgu Indra. [serta]
3. Makanan ini akan kami _____ ke beberapa buah rumah anak-anak yatim di sekitar Selangor. [agih]
4. Pihak kami akan menghulurkan _____ kepada mangsa-mangsa banjir itu. [bantu]
5. "Peraturan sekolah haruslah kamu semua _____ supaya dapat mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku di sekolah kita," kata guru besar. [patuh]
6. "_____ ke Zoo Melaka yang dianjurkan oleh Skuad Prihatin itu akan diadakan pada bulan hadapan," kata Zara kepada Siew Mei. [lawat]
7. "Peperiksaan percubaan UPSR ini akan saya _____ dengan tenang," kata Hana dalam hatinya. [hadap]
8. Jamali dan Izauddin menghasilkan satu _____ yang unik dan kreatif dengan menggunakan bahan-bahan terbuang. [reka]
9. "Kerja sekolah yang diberikan oleh Cikgu Sarah sudah saya _____ semalam," kata Puteri kepada Mei Mei. [siap]
10. "Sila _____ kereta encik ini ke kawasan yang lebih selamat kerana banyak lori melalui jalan ini," kata lelaki itu kepada Encik Amri. [alih]

C Berikan imbuhan apitan yang sesuai pada kata dasar di bawah. Kemudian, lengkapkan petikan yang berikutnya.

- | | | | |
|---------|----------|----------|---------|
| • dedah | • budaya | • sembah | • punya |
| • terus | • kait | • main | • ramai |

Tahukah kamu seni muzik ghazal? Ghazal merupakan seni (1) _____ yang sangat popular di negeri Johor. Alat muzik yang digunakan dalam (2) _____ ghazal ialah marakas, tamborin, tabla, gambus, biola, dan peti harmonium. Peralatan muzik ini (3) _____ alunan muzik tersendiri.

Penubuhan kumpulan ghazal di sekolah dapat memberikan (4) _____ dan menarik minat murid-murid. Hal ini demikian kerana merekalah yang dapat (5) _____ seni muzik tradisional tanah air ini.

Biasanya, ghazal (6) _____ dalam majlis perkahwinan atau (7) _____. Nyanyian dalam ghazal berbentuk puisi yang (8) _____ dengan perasaan kasih sayang.

D Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Kelab Kebajikan sekolah akan _____ anak-anak yatim di Rumah Harapan.
A lawatan
B melawat
C dilawati
D pelawat
2. "Baiklah, saya berjanji akan _____ dengan gigih lagi, ibu," kata Rizal kepada ibunya.
A ajaran
B pelajar
C belajar
D mengajar
3. Semasa sambutan Hari Kantin sekolah, Asraf dan Ravindren mengadakan jualan buku _____.
A terpakai
B pakaian
C dipakai
D memakai
4. Surat permohonan _____ untuk mengadakan jualan amal itu akan saya _____ kepada guru besar.
A menyerahkan
B penyerahan
C serahkan
D berserah
5. Tolong _____ sangkar-sangkar kucing yang telah rosak agar selamat untuk digunakan.
A baiki
B dibaiki
C kebaikan
D memperbaiki
6. Mereka sedang memberikan _____ kepada kucing-kucing terbiar itu.
A dimakan
B termakan
C memakan
D makanan
7. Setiap hari, Kamal dan Jarjit pergi ke sekolah dengan _____ bas sekolah.
A menaikkan
B dinaiki
C menaiki
D kenaikan
8. Majlis _____ Kempen Kitar Semula itu melibatkan warga sekolah dan pihak Jabatan Alam Sekitar.
A pelancaran
B dilancarkan
C melancarkan
D memperlancar
9. Ikmal menghulurkan kad _____ kepada pegawai yang bertugas di kaunter itu.
A dikenali
B berkenalan
C pengenalan
D mengenali
10. "Ibu saya memang mahir _____ kraf tangan daripada rotan dan mengkuang," kata Asilah kepada Jenny.
A berhasil
B dihasilkan
C penghasilan
D menghasilkan